

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
Okt/Nov  
2010  
2 jam



## JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

---

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010  
TINGKATAN EMPAT

---

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 11
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan **mana-mana satu** soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tuliskan **nama dan angka giliran** anda pada ruang yang disediakan di halaman 11.
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 11 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

*Disediakan oleh:*

GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak Oleh:*

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**BAHAGIAN A  
( 40 MARKAH )**

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- 1    **Penyataan yang benar mengenai nifak ialah**
- A    berpura-pura melahirkan keimanan tetapi hati tetap kufur
  - B    mengkikari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhamad SAW.
  - C    menyamakan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan-Nya
  - D    kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama
- 2    **Antara hikmat diharamkan qazaf ialah**
- A    menjamin kesihatan fizikal
  - B    menjamin hubungan sosial yang baik
  - C    menggalakkan sifat suka berterus terang
  - D    menggalakkan sifat suka tolong-menolong
- 3
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>•    Haram mewarisi harta pusaka</li><li>•    Hubungan suami isteri terfasakh</li><li>•    Menjadi penghuni neraka selama-lamanya</li></ul> |
|---|
- Pernyataan di atas merujuk kepada
- A    kesan-kesan murtad
  - B    sebab-sebab murtad
  - C    kesan-kesan munafik
  - D    sebab-sebab munafik
4.   **Kesan buruk memakan harta anak yatim ialah**
- I    memutuskan silatulrahim
  - II   mengelakan mereka hidup melarat
  - III  mencabuli hak mereka sebagai pewaris harta.
  - IV  menjamin kebahagiaan mereka dimasa hadapan
- A    I dan II
  - B    I dan III
  - C    II dan IV
  - D    III dan IV
- 5    **Hukuman pezina yang belum berkahwin ialah**
- A    40 kali sebatan
  - B    80 kali sebatan
  - C    100 kali sebatan
  - D    rejam sampai mati

Mengunjungi Baitullah al-Haram kerana mengerjakan ibadat tertentu pada bila-bila masa dengan syarat-syarat tertentu.

6. Pernyataan di atas ialah pengertian

- A Haji
- B Miqat
- C Tawaf
- D Umrah

7. Berikut adalah hikmat gadaian kecuali

- A menggalakkan umat Islam berbelanja.
- B mengembangkan ekonomi umat Islam.
- C memberi jaminan kepada orang yang memberi hutang
- D memberi kemudahan kepada orang yang memerlukan bantuan.

8. Antara berikut yang manakah rukun sewaan?

- A Islam
- B Baligh
- C Berakal
- D Manfaat

9. Pilih pernyataan yang benar mengenai ibadat korban.

- A Sunat dibuat jamuan.
- B Ibadat yang dilakukan sebelum hari raya haji.
- C Haram dagingnya dimakan oleh orang yang berkorban.
- D Sepertiga daripada daging korban diberi kepada fakir miskin.

10. Antara pernyataan berikut, manakah syarat-syarat saham yang diharuskan dalam Islam?

- I Bebas dari unsur riba.
- II Dividen ditentukan secara tetap.
- III Tidak mempunyai unsur spekulasi.
- VI Simpanan dalam bank konvensional.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- Barang telah rosak
- Tidak menepati syarat

11. Pernyataan di atas mengakibatkan sewaan.

- A Tidak halal
- B Tamat kontrak
- C Tidak perlu dibayar
- D Tertangguh bayaran.

En. Roslan telah mengambil insurans yang mengandungi unsur gharar untuk keretanya yang baru dibeli.

12. Hukum perbuatan beliau adalah

- A sunat
- B harus
- C haram
- D makruh

13.

Mengisytiharkan kalendar Islam mengikut tahun Hijrah

Pernyataan di atas adalah jasa khalifah


- A Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
- C Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu

14.

Mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah.

Pernyataan di atas adalah sumbangan khalifah

- A Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
- C Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu



15. Tanda X merujuk kepada

- A Perikanan
- B Penternakan
- C Perdagangan
- D Perkapalan

16

- Khalifah kelapan kerajaan Bani Umayyah
- Dianggap sebagai khalifah ar-Rasyidin kelima

Pernyataan di atas berkaitan dengan khalifah

- A Umar bin Abdul Aziz
- B Marwan bin Muhammad
- C Muawiyah bin Abi Sufian
- D Abdul Malek bin Marwan

17 Al-Jizyah ialah

- A cukai tanah ke atas pemilik bukan Islam dalam negara Islam
- B cukai yang dikenakan kepada kafir zimmi dalam negara Islam
- C harta rampasan daripada orang kafir harbi bukan melalui peperangan
- D harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan

18

- Dilahirkan di Ghazalah pada tahun 450 H.
- Hasil karyanya ialah Ihya Ulumuddin

Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh

- A Imam al-Syafie rahimahullah
- B Imam al-Bukhari rahimahullah
- C Imam al-Ghazali rahimahullah
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

19 Berikut adalah keistimewaan kitab Sahih al-Bukhari kecuali

- A sumber rujukan umat Islam selepas al-Quran
- B susunan himpunan hadis nabi yang paling sistematik
- C susunan mengikut bahagian fekah, muamalat dan jinayat
- D sebuah kitab fekah yang membincangkan sesuatu perkara secara terperinci

20

- Bertanggungjawab menjaga alam semulajadi
- Memupuk silaturrahim


Pernyataan di atas berkaitan dengan adab

- A Berfikir
- B Berzikir
- C Berekreasi
- D Berhias diri

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

21




X dalam rajah di atas adalah perkara yang dilarang ketika .....

22


- Bersiar-siar
- Berkelah

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada rekreasi.....



23 Q dalam rajah di atas ialah .....

24 Orang yang banyak berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW akan memperoleh ..... di akhirat.



- 25 R dalam rajah di atas ialah .....
- 26 Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa yang telah .....adalah mendoakan kesejahteraannya dan membayar hutang.
- 27 Telefon dan tandas adalah antara .....yang disediakan oleh pihak tertentu untuk kegunaan orang ramai yang perlu dijaga dengan baik.

28. Saham ialah sejenis ..... yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

29. Rukun haji ialah amalan yang mesti dilakukan dalam ibadat haji, jika tertinggal hajinya .....

30 Perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih ialah pengertian .....

Haji Yahya telah membelah seekor lembu pada 12 Zulhijjah bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

31. Berdasarkan situasi di atas Haji Yahya telah melakukan ibadat.....

32.

- Tidak merbahaya
- Peraturan yang jelas
- Penguatkuasaan undang-undang

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri tempat rekreasi yang baik dari aspek .....

33. Pernyataan di atas ialah syarat penyerahan jawatan khalifah oleh ..... kepada Muawiyah.

34 Imam al Syafie rahimahullah dapat menghafaz kitab ..... karangan Imam Malik rahimahullah ketika berusia 10 tahun

35 Imam Malik rahimahullah dilahirkan di .....

36 Imam Ahmad bin Hambal rahimahullah. telah menghafaz sebanyak 700,000 hadis sehingga beliau digelar .....

37 Riba ..... ialah pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran.

Mengelapkan wang dengan menggunakan teknologi moden merupakan jenayah kolar putih yang boleh menjejaskan ekonomi sesebuah syarikat atau institusi kewangan

38 Pernyataan di atas merujuk kepada.....

39 Dalam gadaian konvensional barang gadaian akan ..... jika tidak ditebus dalam tempoh yang ditetapkan.


40. Hukum memberi hutang kepada orang yang sangat memerlukan bantuan adalah .....

## Bahagian B

[ 60 markah ]


Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikut.

- 1 (a) Bertaubat adalah wajib bagi mereka yang telah melakukan dosa.
- (i) Nyatakan maksud taubat. [ 2 markah ]
  - (ii) Senaraikan **empat** syarat taubat yang diterima oleh Allah [ 4 markah ]
  - (iii) Terangkan **dua** akibat orang yang tidak bertaubat [ 4 markah ]
- (b) Iman merupakan anugerah Allah yang paling agung kepada manusia.
- (i) Senaraikan **empat** ciri orang yang beriman. [ 4 markah ]
  - (ii) Nyatakan **dua** kepentingan iman dalam kehidupan [ 2 markah ]
- (c) Jelaskan **dua** langkah untuk mencegah penagihan dadah dalam kalangan pelajar. [ 4 markah ]



2. (a) Gambar di atas menunjukkan jemaah haji sedang melakukan salah satu dari rukun haji.
- (i) Namakan ibadat tersebut. [ 1 markah ]
  - (ii) Nyatakan **tiga** syarat ibadat tersebut. [ 3 markah ]
  - (iii) Nyatakan **dua** sebab seseorang jemaah haji dikenakan dam. [ 2 markah ]
  - (iv) Jelaskan **dua** hikmat wukuf. [ 4 markah ]





- (b) Gambar di atas menunjukkan satu urusan jual beli.
- (i) Nyatakan **dua** dari syarat barang dalam urusan tersebut. [ 2 markah ]
  - (ii) Terangkan **dua** jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah. [ 4 markah ]
- (c) Nyatakan **hukum** dan **alasan** bagi situasi berikut.
- (i) Encik Hamzah telah menyembelih seekor kambing untuk akikah anak lelakinya. [ 2 markah ]
  - (ii) Encik Syamsul telah mengadai seutas rantai emas milik anaknya. [ 2 markah ]
- 3 (a) Rasulullah SAW adalah manusia pilihan dan paling mulia di sisi Allah
- (i) Nyatakan **dua** cara memuliakan Rasulullah SAW [ 4 markah ]
  - (ii) Terangkan **dua** kerugian orang yang tidak melaksanakan sunnah Rasulullah SAW [ 4 markah ]
- (b) Umat Islam pada zaman kerajaan Bani Umayyah berjaya menaikkan martabat diri dan agama di mata dunia.
- (i) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan tamadun Islam pada zaman kerajaan Bani Umayyah. [ 4 markah ]
  - (ii) Jelaskan langkah yang boleh anda lakukan untuk mengembalikan kegemilangan tamadun umat Islam masa kini [2 markah ]
- (c) Imam al-Ghazali rahimahullah adalah seorang tokoh terkenal dan mendapat gelaran Hujjatul Islam.
- (i) Mengapakan beliau digelar hujjatul Islam? [2 markah ]
  - (ii) Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh anda contohi daripada kegemilangan beliau untuk menjadi pelajar cemerlang. [ 4 markah ]

4 (a)

Berzikir adalah satu cara yang boleh menghubungkan antara manusia dengan penciptanya, dan perlu dilakukan dengan beradab.

- (i) Jelaskan **dua** adab ketika berzikir [ 4 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab ketika berzikir. [ 4 markah ]
- (b) Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin mengamalkan pentadbiran yang telus.
- (i) Nyatakan cara pelantikan pegawai kerajaan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan khulafa' al-Rasyidin kepada umat Islam pada zaman kerajaan Bani Umayyah [ 4 markah ]
- (c) Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah merupakan seorang imam mujtahid yang menjadi pengasas bagi mazhab Hambali
- (i) Nyatakan **dua** bidang ilmu yang dikuasai oleh Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah. [ 2 markah ]
- (ii) Senaraikan **empat** amalan mulia yang boleh anda contohi daripada Imam Ahmad rahimahullah [ 4 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO.KAD PENGENALAN

						-								
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul

NAMA : .....

TING : .....

1	A	B	C	D		21	
2	A	B	C	D		22	
3	A	B	C	D		23	
4	A	B	C	D		24	
5	A	B	C	D		25	
6	A	B	C	D		26	
7	A	B	C	D		27	
8	A	B	C	D		28	
9	A	B	C	D		29	
10	A	B	C	D		30	
11	A	B	C	D		31	
12	A	B	C	D		32	
13	A	B	C	D		33	
14	A	B	C	D		34	
15	A	B	C	D		35	
16	A	B	C	D		36	
17	A	B	C	D		37	
18	A	B	C	<u>D</u>		38	
19	A	B	C	D		39	
20	A	B	C	D		40	

	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah A
Soalan 1			
Soalan 2			
Soalan 3			
Soalan 4			
JUMLAH BESAR			